PENGGUNAAN KAEDAH "COCOM" UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN EMPAT MENGENAL PASTI DAN MEMBANDING BEZA KEDUDUKAN KERAJAAN MELAYU AWAL SERTA GEOGRAFINYA.

MOHAMMAD FIRDAUS BIN SALIN
mohdfirdaus927@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kajian ini di buat bertujuan membantu murid Tahun empat mengenal pasti dan membanding beza kedudukan Kerajaan Melayu Awal yang merangkumi lokasi kerajaan dan ekonomi setiap kerajaan serta juga mengenal pasti pulau, laut, teluk dan selat di sekitar Kerajaan Melayu Awal. Dalam kajian ini, juga melihat nilai kooperatif dalam kalangan murid. Bagi kajian ini saya telah melibatkan lima orang murid Tahun 4C dari sebuah sekolah di kawasan Batu kawa. Antara tiga kedah yang digunakan adalah analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Kaedah penganalisis data yang digunakan pula analisis kandungan dan analisis pola. Selain itu, bagi triangulasi data digunakan adalah triangulasi kaedah dan triangulasi sumber. Dapatan kajian berdasarkan lima orang peserta kajian yang digabungkan menjadi kumpulan 1 dapa menunjukkan perubahan yang ketara dalam melaksanakan aktiviti secara kooperatif dan juga mampu mengenal pasti geografi dan membanding beza kedudukan Kerajaan Melayu Awal dengan menggunakan inovasi COCOM iaitu *Code Colouring Island*. Akhir sekali, kajian ini juga membaiki dan memantapkan amalan kendiri saya sebagai guru dalam mengajar.

Kata kunci: inovasi COCOM, mengenal pasti, membanding beza, kooperatif, amalan kendiri.

ABSTRACT

The purpose of this research is to help the Year 4 students to identify and compare the differences between the location Old Kingdom which includes the location, the year of the existence, the economy of each government and also to identify the islands, the sea, the bay and the straits around the Old Malay Kingdom. The three main components of my study are, identifying geographies such as islands, seas, bays and straits, comparing the position of the Old Malay Kingdom in terms of locations, years of existence, each government's economy and seeing cooperative values. For this study I have involved five Year 4C students from a school in Batu kawa area. The three methods used were document analysis, interviews and observations. Data analysing method used were content analysis and pattern analysis. In addition, for data trigulation used were trigulator method and source trigulation. The findings of the five participants were combined into group 1 showed significant changes in cooperative activities and also they were able to identify geography and compare the location of the Old Malay Kingdom by using COCOM's innovative Code Coloring Island. Finally, this study also improves and strengthened my own teaching practice as a future teacher.

Keywords: COCOM innovation, identify, compare, cooperative, self-employed.

Pengenalan

Warna memainkan daya hidup yang penting dalam dunia yang realiti ini. Warna adalah jarak gelombang elektromagnet di mana dapat dilihat melalui mata. Warna yang terhasil adalah sebahagian daripada biasan yang dipantul balik oleh sebarang objek. Dengan itu, warna akan membentuk satu persoalan melalui mata di mana maklumatnya akan ditafsirkan di dalam otak. Hal ini dapat dijelaskan oleh (Thatcher, Lyon, Ramsey dan Krasegor, 1996), kanak-kanak pada peringkat pra operasi mengalami kematangan fizikal otak iaitu mencapai 70 peratus daripada otak dewasa. Mereka juga dapat menguasai dunia secara simbol menggunakan bahasa yang mudah seperti tanda-tanda, lambang, objek, warna dan perkataan. Ini dapat dilihat dalam kajian ini bahawa, mengenal pasti kedudukan Kerajaan Melayu Awal dan pulau di sekitarnya amat sukar lebih-lebih lagi dalam bentuk peta topografi.

Pada tahun 2017 Semester lima, saya telah menjalankan aktiviti pengajaran seperti biasa mengikut jadual waktu kelas. Kelas yang saya ajar pada hari tersebut adalah Tahun 4C. Murid seramai 20 orang dan mereka agak lemah dalam semua mata pelajaran. Pada masa itu, saya menggunakan pendekatan pembelajaran secara berkumpulan yang terdiri dari pada lima kumpulan, setiap kumpulan ada lima orang murid. Teknik ini berdasarkan pendekatan kooperatif. Mengikut Slavin (2006), pembelajaran kooperatif amat berkesan kerana murid sendiri yang terlibat secara aktif untuk membentuk pemahaman mereka. Setiap kumpulan dilantik seorang ketua bagi memudahkan urusan penerimaan lembaran kerja dan mengetuai perbincangan. Pendekatan ini membolehkan murid mengemukakan pendapat dengan lebih berkesan. Maka saya sentiasa meminta murid berbincang dalam kumpulan dan memberi pendapat mengenai apa yang mereka faham tentang Kerajaan Melayu Awal. Walau bagaimanapun, semasa pengajaran saya sedang berjalan setiap kumpulan, tahap kognitif mereka berbeza terutamanya kumpulan 1 dan kumpulan tiga. Kumpulan 1 sukar menyiapkan tugasan mengikut masa yang ditetapkan dan nilai kerjasama mereka agak kurang di situ. Hal ini disebabkan dalam ahli kumpulan mereka iaitu tiga daripada lima mengalami masalah untuk memahami arahan yang saya berikan dan sukar memahami soalan yang di kemukakan oleh saya walaupun tugasan itu secara berkumpulan dan saya sudah mengulang lebih satu kali arahan secara teliti supaya mereka lebih jelas, terang dan faham intipati tugasan yang diberikan iaitu mengenal pasti dan membanding beza kerajaan Melayu Awal serta mengenal pasti teluk, pulau, laut dan selat melalui aktiviti *Find and Mark*. Manakala kumpulan tiga situasi mereka hampir sama dengan kumpulan 1 yang berbezanya ketua mereka tidak memberi kerjasama dengan baik disebabkan faktor kekeliruan memberi pendapat atau jawapan dalam aktiviti *Find and Mark.*

Semasa sesi pengajaran, Kesemua lima kumpulan memberikan kerjasama yang memuaskan dan aktif dalam kerja berkumpulan tetapi sewaktu tajuk kedudukan Kerajaan Melayu Awal, mereka keliru dan tidak tahu di mana kedudukan tersebut, begitu juga tidak tahu mengenai arah mata angin yang di maksudkan dalam peta tersebut semasa aktiviti *Find and Mark*. Untuk lembaran kerja pula, mereka tidak membanding beza kerajaan Melayu Awal dari segi ekonomi dan lokasi kedudukan kerajaan. Walau bagaimanapun, hanya satu kumpulan yang sahaja yang perlu dibimbing iaitu kumpulan 1 sahaja seperti mana yang saya jelaskan sebelum ini. Jika di renung kembali semasa proses pengajaran dan pembelajaran amalan mengajar, saya mendedahkan kelemahan diri sendiri semasa melaksanakan aktiviti pertama iaitu *Find and* Mark. Bahawa bahan bantu mengajar saya agak sederhana, apabila peta Kerajaan Melayu Awal berwarna putih tiada petunjuk apa yang terkandung dalam peta itu seperti kedudukan kerajaan Melayu Awal, pulau, selat, teluk dan laut. Lebih-lebih lagi murid-murid tidak tahu bagaimana rupanya bentuk pulau, selat, teluk dan laut.

Bahagian Pengukuhan pula selepas aktiviti 1 iaitu latihan lembaran kerja tersebut tanpa adanya usul penerangan mengenai arahan dan soalan yang dikemukakan dan juga kurang memberi gambaran seperti menunjukkan sekeping gambar atau peta yang menunjukkan kedudukan kerajaan-kerajan Melayu Awal Di situ kesilapan yang saya lakukan namun tajuk tersebut mengikut pandangan saya agak sukar bagi saya dan murid yang saya ajar iaitu kelas 4C. Oleh itu wujudnya kaedah *"COCOM"* bagi mewujudkan satu aspek kaedah yang mudah meliputi semua aspek mengenai Kerajaan Melayu Awal yang bertujuan memudahkan proses pengajaran saya dan pembelajaran murid-murid kelas 4C sebagai rujukan.

Dengan itu, menggunakan *Code Colouring Map* (COCOM) secara tidak langsung, mengukuhkan kaedah penggunaan warna dalam suatu pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan pendekatan yang sesuai dan menarik bagi kajian yang hendak dikaji. Oleh itu, kajian ini bukan sekadar membantu murid mengenal pasti kedudukan Kerajaan Melayu Awal sahaja tetapi murid akan dapat membanding beza setiap Kerajaan Melayu Awal pada ketika itu dari segi kedudukan geografi, arah mata angin pengaruh kerajaan dalam aktiviti perdagangan iaitu ekonomi dan juga lautan di sekitarnya yang menjadi tumpuan perdagangan utama pada zaman tersebut.

Lembaran kerja pula merupakan data awal yang di kumpul di akhir pengajaran iaitu latihan pengukuhan berdasarkan apa yang dipelajari hari ini. Berdasarkan data yang di kumpul mengenai tajuk Kerajaan Melayu Awal Tahun 4, tiga dari pada lima kumpulan tidak dapat menghabiskan latihan tersebut mengikut masa yang ditetapkan dan ada sesetengah mereka tidak faham mengenai soalan yang ditujukan dalam latihan itu. Lebih-lebih lagi soalan mengenai mengenal pasti lokasi kerajaan-kerajaan Melayu Awal berdasarkan peta kepulauan Melayu. Dengan ini, saya dapat menggunakan data ini sebagai bukti yang nyata dan pengukuhan bagi melaksanakan kajian tindakan ini. Berikut merupakan data awal mengenai lembaran kerja bagi



Rajah 1: Data awal bagi Lembaran kerja kumpulan 1

kumpulan 1.

Gambar di sebelah kiri mereka sukar untuk menyenaraikan dan mengenal pasti pulau, laut, teluk dan selat manakala gambar di sebelah kanan membanding beza kedudukan kerajaan Melayu Lama dari segi tahun kewujudan, lokasi kerajaan dan juga ekonomi kerajaan. Berdasarkan kedua-dua gambar kumpulan 1 tidak dapat menyiapkan tugasan dengan sempurna dan juga mereka tidak faham dan keliru penggunaan peta yang diberikan oleh saya. Hal ini kerana mereka bergantung kepada penggunaan peta yang saya sediakan kerana peta tersebut tiada petunjuk, simbol atau warna yang menandakan kedudukan suatu geografi di dalam peta. Secara tidak langsung lembaran kerja yang dilaksanakan tidak mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran guru dan murid.

Fokus Kajian

Berdasarkan hasil refleksi dan pemerhatian yang dijalankan antara permasalahan utama yang dihadapi oleh murid adalah:

a. Tidak tahu lokasi kerajaan-kerajaan Melayu Awal, selat, laut dan pulau di sekitar kepulauan Melayu.
b. Murid sukar mewujudkan nilai kooperatif dalam aktiviti berkumpulan.
c. Murid tidak dapat membanding beza setiap kedudukan Kerajaan Melayu Awal dari segi ekonomi, dan lokasi kerajaan

Ketiga-tiga permasalahan menjadi domain utama dalam kajian ini bagi menyelesaikan isu tersebut dengan itu, maka wujudlah kaedah “COCOM” bagi mewujudkan satu kaedah pembelajaran secara kooperatif yang berkaitan tajuk ini.

Objektif Kajian

a. Murid dapat mengenal pasti dan menamakan selat, teluk, laut dan pulau pada peta di sekitar Kepulauan Melayu dengan menggunakan kaedah COCOM serta murid dapat membanding beza kedudukan Kerajaan Melayu Awal dari segi lokasi kerajaan dan ekonomi kerajaan Melayu Awal.

b. Untuk menambahbaik, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru serta mewujudkan kaedah baru iaitu COCOM dalam mengajar tajuk Sejarah Tahun 4 Kedudukan Kerajaan Melayu Awal.

Soalan Kajian.

a. Adakah murid dapat membanding beza kerajaan Melayu Awal dari segi lokasi dan ekonomi sebuah kerajaan Melayu Awal?

b. Dapatkah Kaedah COCOM menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru dalam mengajar tajuk Sejarah Tahun 4 Kedudukan Kerajaan Melayu Awal secara kooperatif dalam kalangan murid.

Peserta Kajian

Peserta kajian memainkan peranan yang penting dalam aspek pengumpulan awal data. Peserta kajian dipilih berdasarkan hasil kriteria yang ditetapkan oleh saya sendiri iaitu dari segi pencapaian akademik berdasarkan ujian diagnostik semasa kutipan data awal. Hal ini memudahkan saya untuk menyusun, membanding beza dan mengklasifikasikan peserta kajian mengikut tahap pencapaian. Jumlah peserta kajian adalah seramai 5 orang dari kelas Tahun 4C. Tahap akademik mereka sangat rendah berbanding dengan rakan sekelas mereka yang lain dalam kelas 4C yang

tahap akademiknya yang sederhana dan tinggi sewaktu Semester 5 pratikum Fasa Kedua. Namun disiplin mereka (5 orang) berada di tahap yang sederhana dan mampu memberi kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan inovasi ini. Mereka keseluruhannya terdiri daripada kaum Iban, Melayu dan seorang berbangsa Cina. Mereka dibahagikan kepada satu kumpulan ini iaitu kumpulan satu seperti mana pada **Jadual 2.**

Jadual 2:
Maklumat mengenai peserta kajian

Nama Peserta Kajian(Nama Samaran)	Tahap Akademik	Kelas	Jantina	Bangsa
Amir	Rendah	4C	Lelaki	Melayu
Suraya	Rendah	4C	Perempuan	Melayu
Kalang	Rendah	4C	Lelaki	Iban
Amoi	Rendah	4C	Perempuan	Cina
Fahim	Rendah	4C	Lelaki	Melayu

Tindakan Yang Dijalankan

Perancangan yang rapi telah saya lakukan sebelum, semasa dan selepas kajian tindakan ini dilaksanakan. Prosedur pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan model kajian yang dibina oleh Stephen Kemmis. Bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar dan efektif, saya telah menyediakan kertas kerja kajian. Selain itu, saya turut membuat bacaan tambahan melalui buku dan kajian-kajian lepas bagi mengetahui lebih lanjut mengenai masalah yang saya hadapi dan jalan penyelesaian yang perlu dipilih. Literatur berkaitan dan kajian lepas telah saya selitkan dalam kertas kerja. Perancangan pelaksanaan telah saya rangka dan jadualkan mengikut bahagian-bahagian tertentu supaya mudah untuk saya menjalankan kajian. Bukan itu sahaja, instrumen pengumpulan data yang bersesuaian telah saya pilih bagi membantu kajian tindakan ini. Perbincangan bersama rakan yang turut melakukan kajian yang hampir sama telah saya lakukan untuk memastikan kajian tindakan yang saya laksanakan ini adalah bermutu.

Berdasarkan Jadual 3 di bawah, sekiranya berlaku kegagalan atau suatu pelaksanaan kurang berjaya terhadap COCOM. Jika masalah tidak dapat di atasi maka akan memulakan ke proses semula ke Fasa Perancangan untuk melihat dan mengatur semula strategi pelaksanaan agar prosedur dapat dilaksanakan dengan baik dan sistematik.

Jadual 3

Langkah-Langkah Pelaksanaan Inovasi COCOM

Fasa Pelaksanaan	Tindakan	Rasional
Fasa Perancangan	• Meninjau permasalahan yang dihadapi dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) saya dan juga melalui kritikan tentang tindakan semasa sesi pengajaran sama ada kritikan melalui pensyarah, rakan sepratikum atau guru pembimbing dalam Sejarah Tahun 4 Kedudukan Kerajaan Melayu Awal. • Setelah mengenal pasti masalah dalam pengajaran saya iaitu **kurang memberi penerangan yang jelas semasa induksi dan lembaran kerja** dan **pelaksanaan aktiviti dalam kooperatif kurang menarik dan tidak memberangsangkan** Manakala masalah dalam pembelajaran, **murid tidak tahu menamakan selat, laut, teluk dan pulau** serta **mengenal pasti lokasi dan membanding bezakan kedudukan Kerajaan Melayu Awal**. • Saya menyediakan inovasi *COCOM* yang merupakan satu peta kepulauan Melayu di warnai mengikut kod warna. Setiap Kerajaan Melayu Awal diwarnai warna tersendiri. Selat, laut, teluk dan pulau warna campuran. Dalam peta tersebut ada sedikit sejarah ringkasan kerajaan, arah mata angin dan keistimewaan setiap kerajaan. Murid akan melekatkan atau menulis kerajaan mengikut warna sempadan dan membanding beza setiap kerajaan Melayu Awal.	Memberi persediaan awal dalam merangka dan menghasilkan inovasi *COCOM* yang lebih baik dan juga mengetahui permasalahan yang dihadapi di sekolah
Fasa Tindakan	• Peserta Kajian yang terlibat iaitu 5 orang akan dibahagikan kepada satu kumpulan. Contohnya Kumpulan 1. • Kumpulan 1 akan memulakan penggunaan inovasi *COCOM*. • Setelah selesai, kumpulan 1 semasa pengujian penggunaan inovasi *COCOM*. • Selepas penggunaan inovasi *COCOM*. Kumpulan akan diberikan lembaran kerja bagi menguji kefahaman mereka dan juga keberkesanan inovasi *COCOM.*	Untuk melihatkeberkesanan inovasi *COCOM* dalam pembelajaran dari segi cara penggunaan dan penglibatan murid dalam pembelajaran kooperatif iaitu kerjasama
Fasa Pemerhatian	• Pemerhatian akan di buat berdasarkan secara kelompok mengikut satu kumpulan. • Hasil dapatan pemerhatian akan melalui rakaman video, lembaran kerja, temu bual dan pemerhatian saya dan juga pemerhatian atas rakan sepratikum.	Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan usaha penambahbaikan dapat dilaksanakan serta dapat melihat kesan yang diperolehi selepas tindakan
Fasa Refleksi	• Refleksi di buat ke atas Fasa Tindakan yang diperhatikan berdasarkan hasil dapatan tadi. • Hasil refleksi tadi, data kajian akan diinterpretasikan untuk sebagai bukti sekiranya berjaya. Sekiranya kurang berkesan dan berjaya, akan balik semula ke Fasa Perancangan untuk penambahbaikan dan juga pembaharuan dalam kaedah C*OCOM*.	Mengaplikasikan alternatif baru atau penambahbaikan bagi mengubah perspektif dan pencapaian murid

Dapatan Kajian

Dalam penyelidikan tindakan, saya menggunakan inovasi COCOM iaitu *Code Colouring Map*. Dalam kajian ini terdapat tiga persoalan yang dinyatakan yang dikemukakan.

Adakah murid dapat mengenal pasti kedudukan laut, pulau, selat dan teluk serta membezakan kedudukan Kerajaan Melayu Awal dari segi, lokasi kerajaan dan ekonomi kerajaan pada ketika itu dalam peta Kerajaan Melayu Awal?

Berdasarkan kajian tindakan saya, saya lebih berfokus kepada kaedah kooperatif jadi peserta kajian saya merangkumi lima orang dan dibahagi kepada satu kumpulan. Oleh itu, keberkesanan inovasi COCOM ini dapat dilihat melalui kumpulan 1 berdasarkan kajian dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumentasi mereka iaitu lembaran kerja seperti rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Data lembaran kerja sebelum dan selepas Penggunaan inovasi COCOM

Rajah 2 di atas menunjukkan mengenai perbezaan sebelum dan selepas penggunaan kaedah COCOM dalam latihan pengukuhan. Gambar di sebelah kiri iaitu secara terang dan nyata kumpulan 1 sukar untuk mengenal pasti pulau, teluk, selat dan

laut di sekitar kepulauan kerajaan Melayu Awal untuk latihan 1. Latihan 2 kumpulan 1 tidak dapat membanding beza lokasi kerajaan dan ekonomi kerajaan tersebut. Manakala gambar di sebelah kanan merupakan hasil inovasi saya iaitu COCOM. Perubahan yang ketara dan sangat berbeza sebelum penggunaan COCOM. Saya boleh menilai dan melihat kumpulan 1 dapat melaksanakan secara kooperatif dengan melabel dan mengenal pasti dengan baik laut, pulau, selat dan teluk serta membanding beza Kerajaan Melayu Awal dari segi lokasi kerajaan dan ekonomi Kerajaan Melayu Awal. Hal ini kerana, mereka suka kepada warna yang pelbagai yang terdapat dalam peta COCOM.



PEMERHATIAN TIDAK BERSTRUKTUR (CATATAN BEBAS)

Tarikh : 14. 7. 2017

Kelas : 4C.

Peristiwa	Catatan
* Guru menunjukkan inovasi Cocom dihadapan murid.	Semua murid terpegun melihat peta warna warni.
* Guru memilih salah seorang murid untuk melabel dan mengenal pasti kerajaan melayu lama berdasar arahan yang dijelaskan oleh guru.	* murid dapat melabel dan mengenal pasti kerajaan melayu lama.
* lembaran kerja dapat diselesaikan dengan baik dan semua kumpulan dapat memberi kegasama.	* murid- murid berasa seronok dan wujud nilai koperatif. * faham apa yg dikehendaki lembaran kerja dengan ada cocom.

64

Rajah 3: Borang Pemerhatian (Catatan Bebas) semasa pelaksanaan inovasi COCOM

Mengenai borang catatan bebas pada *Rajah 3,* saya dapat simpulkan bahawa perubahan yang sangat ketara pada kumpulan 1 bahawa mereka lebih kooperatif dan fahami arahan yang saya jelaskan mengenai tugasan mereka. Bukan itu sahaja, penggunaan inovasi juga memudahkan mereka melaksanakan tugasan mereka dengan baik serta lembaran kerja yang diberikan oleh saya dapat disiapkan dengan baik terutama dalam mengenal pasti teluk, pulau, selat dan laut serta membanding beza kedudukan kerajaan Melayu awal dari segi lokasi kerajaan dan juga ekonomi kerajaan.

Pada transkrip temu bual yang dijalankan untuk menguji atau meminta peserta kajian kumpulan 1 iaitu Amir, Suraya, Kalang, Amoi dan Fahim mengutarakan pendapat masing-masing semasa menggunakan inovasi COCOM (Code Colouring Map). Berdasarkan temu bual tersebut kelima-lima peserta kajian dalam kumpulan 1

menyatakan bahawa mereka menganggap tajuk tersebut susah, bosan dan tidak faham apa yang dimaksudkan pulau, teluk, selat dan laut lebih-lebih lagi tidak tahu kedudukan kerajaan Melayu Awal serta tiada penggunaan warna yang menarik dalam peta tersebut sebelum ini tetapi selepas penggunaan inovasi COCOM pandangan dan pendapat mereka berubah. Temu bual ini dijalankan selepas penggunaan inovasi COCOM.

Saya *Wah. boleh pun buat camana reaksi awak semua semasa menggunakan peta baru cikgu yang berwarna- warni?*

Amir *Bagi saya tajuk nie memang susah cikgu nak faham sebelum nie tapi saya rasa senang nak tahu bentuk pulau, laut, teluk, selat sebab ada warna senang saya dapat label ya yang peta baru cikgu itu.*

Suraya *Saya rasa macam tu juga cikgu ada disertakan gambar sekali dekat bahagian petunjuk bagaimana rupa pulau, laut, teluk dan selat supaya senang kenal pasti. Pastu mudah nak banding kerajaan Melayu Awal....*

Kalang *Benar juak cikgu, mun sebelum tok cikgu beri kami peta tiada warna-warna tak tahu nak buat keliru, bosan dan susah nak kenal pasti h pasya sik tauk siney kerajaan Melayu Awal ya.*

Amoi *Saya rasa aktiviti nie lebih seronok buat dalam kumpulan cikgu berbanding buat sorang-sorang saya susah mau faham ma.*

Saya *Iya, Amoi aktiviti nie sesuai dalam kooperatif, jadi apa pendapat awak fahim?*

Fahim *Bagi saya cikgu, sememangnya saya rasa faham dan mudah nak buat kerja tugasan cikgu suruh. Lepas itu, peta cikgu buat saya rasa seronok tengok sebab besar dan pelbagai warna senang merujuk pada aktiviti lembaran kerja ya cikgu...kira saya suka peta nie cikgu.*

Adakah Penggunaan COCOM (*Code Colouring Map*) dapat membantu menambahkan amalan kendiri saya terhadap pengajaran dan pembelajaran dan sekali gus dapat meningkatkan pembelajaran kooperatif dalam kalangan murid?

Berdasarkan Rajah 4 di bawah, saya melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah 4C sendiri selepas habis waktu sekolah dengan kebenaran ibu bapa, guru kelas, guru pembimbing dan juga guru besar. Sepanjang sesi pembelajaran tersebut segala pemerhatian dilaksanakan oleh rakan praktikum saya iaitu Cikgu Richard. Jika dilihat perbezaan masa sebelum, semasa dan selepas penggunaan inovasi COCOM ini menggambarkan suatu kejayaan bagi pelaksanaan inovasi COCOM ini kerana pencapaian mereka berlima iaitu kumpulan 1 sangat memberangsangkan dan juga semangat kooperatif semasa mereka melaksanakan Aktiviti 1: *Find and Mark* iaitu mengenal pasti laut, pulau, teluk dan selat serta membanding beza kedudukan Kerajaan Melayu Awal.

Sebelum Penggunaan *COCOM*	Semasa Penggunaan *COCOM*	Selepas Penggunaan *COCOM*
• Guru menunjukkan peta Kerajaan Melayu Awal di sekitar Asia Tenggara semasa set induksi. • Semua ahli kumpulan 1 keliru dan tidak faham apa yang terkandung dalam peta tersebut dan lembaran kerja tidak dapat dilaksanakan dengan siap sepenuhnya semasa Aktiviti 1 iaitu *Find and Mark* dan juga latihan pengukuhan walaupun diberi bimbingan sepenuhnya. • Kebanyakan ahli kumpulan 1 susah memberi kerjasama dengan baik kerana berlaku konflik dalam penentuan jawapan semasa aktiviti 1 dan juga latihan pengukuhan.	• Guru menunjukkan inovasi *COCOM* semasa set induksi. • Semasa Aktiviti 1: *Find and Mark* semua murid mampu melaksanakan tugasan tersebut dan juga latihan pengukuhan dengan siap sepenuhnya dengan sedikit bimbingan dari saya. • Semangat kooperatif mulai wujud dan persefahaman dalam melaksanakan tugasan yang diberi oleh saya.	• Guru menunjukkan inovasi *COCOM* semasa seti induksi serta gambar yang jelas dan teliti mengenai pulau, teluk, selat dan laut. • Sewaktu Aktiviti 1 kumpulan 1 memberi respon sangat baik dan mereka faham soalan dan arahan yang dinyatakan dalam tugasan tersebut. • Latihan pengukuhan dapat disiapkan dengan sepenuhnya. • Mereka memberi semangat kooperatif sepenuhnya sepanjang aktiviti dijalankan.
Pemerhatian dijalankan pada 6 Julai 2017 oleh Cikgu Richard	Pemerhatian dijalankan pada 14 Julai 2017 oleh Cikgu Richard	Pemerhatian dijalankan pada 22 Julai 2017 oleh Cikgu Richard.

Rajah 4. *Perbezaan sebelum, semasa dan selepas penggunaan inovasi COCOM*

Temu bual dilaksanakan selepas kumpulan 1 menggunakan inovasi COCOM. Walaupun COCOM hanya digunakan dalam 3 minggu namun melalui temu bual yang dijalankan oleh Cikgu Syikin iaitu guru pembimbing saya dalam subjek Sejarah telah menyatakan bahawa beliau begitu yakin penggunaan inovasi COCOM ini dapat mencapai matawalt objektif walaupun baru sahaja digunakan kepada kumpulan 1 dalam masa 3 minggu sahaja tetapi menunjukkan perubahan yang ketara kepada mereka berlima. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan inovasi COCOM dapat meningkatkan pemahaman murid dalam proses pembelajaran, mewujudkan nilai kooperatif secara berpasukan dan juga memudahkan dan memantapkan proses pengajaran guru yang bertindak sebagai fasilitator seperti mana yang dikehendaki dalam pembelajaran abad ke-21. Justeru, berdasarkan apa yang diutarakan oleh Cikgu Syikin sememangnya mengakui bahawa kesemua peserta kajian dalam kumpulan 1 masih mengekalkan prestasi dalam pembelajaran yang pasti Tajuk 4 iaitu Kedudukan Kerajaan Melayu Awal yang merupakan tajuk yang sukar mulanya tetapi dengan wujudnya inovasi COCOM kaedah pengajaran mudah dan mantap serta wujudnya pembelajaran kooperatif wujud. Berikut adalah transkrip temu bual tersebut.

Saya: Apakah pendapat cikgu mengenai inovasi saya Code Colouring Map (COCOM)?

Cikgu Syikin: **Sangat menarik** dan **unik**. Mengambil kira minat murid. Saya sik terfikir sekarang nak guna kaedah macam ya sebab sebelum tok saya guna peta biasa yang ada dalam buku teks mun sik dalam buku latihan yang dibeli kat kedai. Semua murid dalam kelas ya **faham** dan **mudah**.

Saya: Bagaimana dengan pemerhatian yang cikgu lihat semasa saya menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek kefahaman murid dan nilai kooperatif mereka.

Cikgu Syikin: Perbezaan yang saya terkejut juak ialah sebelum tok semua murid susah nak beri kerjasama, bosan dan tajuk ya memang sukar juak nak di ajar tetapi bila cikgu guna inovasi COCOM memang nampak perubahan ketara seperti murid **minat**, **mudah nak buat aktiviti**, **seronok** dan **mampu mewujudkan nilai kooperatif** dalam berkumpulan semasa melaksanakan aktiviti berkaitan COCOM. Terutamanya bila lembaran kerja memang sidakya boleh buat dan siap **dengan baik dan sempurna** walaupun ada sikit kesilapan. COCOM memang **sesuai untuk pembelajaran kooperatif** dan **memudahkan murid membuat rujukan** juak untuk melihat peta yang pelbagai warna, simbol, petunjuk yang menarik.

Saya: Pada pendapat cikgu adakah penggunaan inovasi COCOM tek dapat memudahkan dan memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran guru dan dapat sik mewujudkan pembelajaran kooperatif dalam bilik darjah.

Cikgu Syikin: Saya setuju dan yakin sebab berdasarkan pemerhatian saya memang berlaku perubahan pada pembelajaran murid terutamanya dalam ya.. mengenal pasti pulau, teluk, laut dan selat pasya tauk membanding beza kedudukan Kerajaan Melayu Awal dari segi tahunnya tek, lokasi dan ekonomi. Mun dari segi pengajaran cikgu sememangnya berubah memberi satu impak dalam kaedah pengajaran baru dalam memudahkan dan memantapkan proses pengajaran lebih-lebih gik *kinek tok* semua mengamalkan PdP abad ke-21. Saya setuju.

Refleksi

Sepanjang saya menjalankan intervensi, tujuan saya adalah untuk meningkatkan amalan pengajaran saya dan juga mencari satu kaedah pedagogi yang sesuai untuk saya mengajar mengikut kesesuaian murid seperti mana yang dikehendaki dan termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) selaras juga pendidikan abad ke-21. Saya mendapati bahawa disebabkan kebiasaan saya mengajar secara *stereo type* maka murid-murid di dalam kelas akan berasa kebosanan, kurang timbul minat terhadap sesuatu subjek dan juga mereka akan kurang faham segala inti pati kandungan pengajaran yang hendak disampaikan oleh saya sendiri dan juga komen guru pembimbing saya seperti mana yang berlaku pada pratikum Fasa kedua. Pengajaran atau mesej ini memberi ruang saya untuk

menebus kesilapan dalam kaedah pengajaran saya maka saya mewujudkan satu inovasi dan pada masa yang sama menarik minat murid untuk belajar secara kooperatif serta memudahkan mereka terhadap tajuk yang mereka belajar sebelum ini yang dianggap kurang penting dan sukar disebabkan perlu mengingat, memahami dan mengenal pasti laut, pulau, teluk dan selat serta membanding beza Kerajaan Melayu Awal dari segi lokasi kerajaan Melayu Awal dan ekonomi sesebuah kerajaan.

Cadangan Tindakan Susulan

Pada kitaran seterusnya saya mencadangkan untuk menambahkan lagi jangka masa penggunaan inovasi COCOM ini daripada tiga minggu kepada sebulan agar dapat melihat perubahan yang ketara dan positif terutamanya dalam pembelajaran murid. Selain itu, saya juga bercadang menambahbaik inovasi COCOM saya lebih baik dari segi susunan petunjuk, simbol yang teliti dan perubahan warna yang sesuai mengikut minat murid. Hal ini sangat penting kerana keberkesanan inovasi COCOM bergantung kepada cara pengolahannya seperti warna yang sesuai dan petunjuk peta yang jelas dan juga simbol yang mudah dan senang diingat kerana warna yang terlalu banyak akan menimbulkan kekeliruan murid dalam melaksanakan aktiviti nanti dan fokus kajian akan tersasar. Bukan itu sahaja, saya juga akan menambahbaik informasi yang terdapat di dalam inovasi COCOM seperti definisi apa itu pulau, teluk, laut dan selat agar mereka tahu bentuk geografi tersebut yang ada di sekitar kawasan mereka dan juga meletakkan sedikit sejarah ringkas mengenai setiap kerajaan tersebut dalam peta COCOM supaya murid mudah merujuk dan melihat pelbagai aspek lain yang bertujuan memudahkan urusan pelaksanaan aktiviti seperti latihan pengukuhan.

RUJUKAN

Noriati A. Rashid, Boon Ying Pong, Ahmad Fakhriah Sharifah, Majid A. Zuraidah. (2014). *Budaya dan Pembelajaran*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd

Kospin Masni Siti. (2014). *Sejarah Tahun 4 Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pardi Akhiar & Shamsuddin Shamsina. (2012). *Penghantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia SDN. BHD

Sari Mayang Sriti. (2004). Peranan Warna Interior Terhadap Perkembangan dan Pendidikan Anak Di Taman Kanak-Kanak. *Dimesi Interior*, 2(1), 22-36.Diambil dari http://dimensiinterior.petra.ac.id/index.php/int/article/view/16244

Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia)

Hwa Kim Chuah, Christina Lau Yuan Yuan, Kong Tiing Ling Eric, Rosli Kamsul, Andrew Simbah, Then Peo They, Kho Raymond. (2012). Refleksi Pembelajaran Teknik Menganalisis Data Tentang Penggunaan Teknik CRA Dalam Membantu Murid Tahun Lima Menguasai Pembahagian Fakta Asas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 6, 1-8

Hamzah Azizah. (2010). *Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1)

Kementerian Pelajaran Malaysia. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Petaksiran Sejarah Tahun Empat*. Putrajaya: Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Haji Abdul Fatah Hassan. (1994). *Kecemerlangan Minda Dalam Pembelajaran: Keseluruhan Otak Dan Daya Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publicators and Distributors Sdn. Bhd.